

Headline	Sedia khidmat 24 jam		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	08 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	15	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	683 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 26,803
Frequency	Daily	PR Value	RM 80,409



Sedia khidmat 24 jam

Kelana Jaya: "Saya sudah bersedia memberi khidmat 24 jam sehari, tujuh hari seminggu sepanjang berada di Tanah Suci bagi memastikan setiap jemaah sihat untuk melakukan ibadah," kata Pakar Perubatan Kecemasan, Dr Fauzi Che Hussin.

Beliau yang pertama kali dipilih sebagai petugas perubatan pada musim haji tahun ini berkata, meskipun perasaannya sedikit berdebar namun beliau berjanji akan melaksanakan tanggungjawab yang diberikan dengan baik.

"Sebagai pegawai perubatan selain sudah biasa bertugas di jabatan kecemasan hospital, saya sudah terdidik untuk sentiasa bersedia dengan sebarang kemungkinan yang bakal berlaku.

"Di sana Tabung Haji sudah menyediakan tempat untuk petugas perubatan menjalankan pemeriksaan terhadap jemaah yang jatuh sakit atau demam," katanya yang bertugas di Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu, Kelantan.

Bagi Pakar Ortopedik Hospital Queen Elizabeth 2, Kota Kinabalu, Sabah, Dr Samsul Tuah@Ag Tuah berkata, tidak ada beza bertugas di Tanah Suci mahupun di tanah air kerana bagi mereka paling penting kesihatan jemaah dapat dipantau.

"Cuma di sahá antara penyakit yang sering menyerang jemaah haji seperti demam, jangkitan kuman bagi pesakit kencing manis, sakit kaki, sakit kepala dan batuk. .

"Kami hanya menyediakan rawatan kecemasan atau rawatan awal untuk jemaah," katanya.

Katanya yang sudah tiga kali terpilih menyertai pasukan petugas perubatan musim haji, tahun ini Tabung Haji ada menyediakan pasukan khas yang akan bertindak jika berlaku sebarang kecemasan.


"Mereka kemudiannya akan maklumkan kepada kami sekiranya memerlukan bantuan perubatan kerana jika berlaku kemalangan serius, jemaah akan diantar terus ke hospital tempatan di sana," katanya.

Headline	Sedia khidmat 24 jam		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	08 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	15	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	683 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 26,803
Frequency	Daily	PR Value	RM 80,409



PETUGAS memeriksa beg sebelum berangkat ke KLIA dari Kompleks Tabung Haji Kelana Jaya.

Headline	Sedia khidmat 24 jam		
Media Title	Harian Metro		
Date	08 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	15	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	683 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 26,803
Frequency	Daily	PR Value	RM 80,409



SUASANA ahli keluarga dan jemaah haji di tempat menunggu di Kompleks Tabung Haji, Kelana Jaya.